



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING PTPTN BILANGAN 2 TAHUN 2009

INSENTIF PENGURANGAN KOS PENTADBIRAN PADA KADAR SATU PERATUS (1%) SETAHUN PADA KADAR RATA (*FLAT RATE*) BAGI PEMINJAM YANG MEMBUAT PENYELESAIAN PENUH PINJAMAN PENDIDIKAN PTPTN

TUJUAN

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan mengenai insentif pengurangan kos pentadbiran pada kadar satu peratus (1%) setahun pada kadar rata (*flat rate*) bagi peminjam yang membuat penyelesaian penuh pinjaman pendidikan PTPTN.

LATARBELAKANG

2. Sebagaimana yang sudah diumumkan sebelum ini, berkuat kuasa 1hb Jun 2008, kos pentadbiran sebanyak 3% setahun atas baki berkurangan telah diubah kepada upah sebanyak 1% setahun pada kadar rata. Penurunan ini bersekali dengan pelaksanaan pembiayaan pendidikan berlandaskan kaedah Ujrah (Upah). Aktiviti ini dilakukan secara berperingkat kerana melibatkan perubahan kepada kesemua dokumen perjanjian yang ditandatangani oleh peminjam sebelum ini. Sehingga aktiviti tersebut dilaksanakan sepenuhnya, peminjam yang ingin

melunaskan keseluruhan pinjaman akan diberikan keistimewaan menikmati kos pentadbiran sebanyak 1% setahun pada kadar rata tanpa perlu penukaran kepada pembiayaan berlandaskan Ujrah.

PELAKSANAAN

3. Tawaran ini diberikan oleh PTPTN kepada semua peminjam kecuali yang sudah mendapat penghakiman. Peminjam yang telah pun melunaskan sepenuhnya pinjaman pada atau selepas 1 Jun 2008 akan menerima insentif berkenaan serta rebat sekiranya mempunyai lebihan bayaran balik.

4. Walau bagaimanapun, tawaran ini adalah terpakai sehingga proses tawaran Ujrah kepada peminjam sedia ada dilaksanakan sepenuhnya. Sekiranya peminjam telah ditawarkan pembiayaan Ujrah, peminjam tidak lagi layak untuk menerima kemudahan ini, sebaliknya mereka ditawarkan dengan pengurangan kadar 1% setahun pada kadar rata berserta pembiayaan pendidikan berlandaskan kaedah Ujrah (Upah) seperti yang telah diwar-warkan oleh PTPTN melalui Pekeliling PTPTN bil.2/2008 sebelum ini.

5. Mana-mana peminjam yang berhasrat untuk membuat penyelesaian penuh pinjaman adalah dinasihati untuk mendapatkan jumlah penyelesaian penuh yang telah disahkan oleh PTPTN.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 September 2009.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.



(YUNUS ABD GHANI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

12 Oktober 2009